    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (a) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 15 April 2015 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (a) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Plentong. No. Lot—13934 (P.T.D. 15951). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2753 [H.S.(M) 555]. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 667/2000, Jilid 61, Folio 95 bertarikh 24 Oktober 2000.

Bertarikh 12 Ogos 2014  
[PTDJB(L) 11/2014]

AMIRUL HAFIZ BIN ARIFF  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Johor Bahru*

**No. 3903.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Hairulnisha binti Rabon, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 2 September 2014 di Pejabat Tanah, Segamat jam 10.00 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM72,900.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Dua Ribu Sembilan Ratus Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Alliance Bank Malaysia Berhad pada tarikh ini adalah RM90,231.91.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM7,290.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ribu Dua Ratus Sembilan Puluh Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada (120 hari) dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 25 Disember 2014 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Segamat. No. Lot—26134 (143 meter persegi). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3067. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1327/2011 bertarikh 28 Oktober 2011.

Bertarikh 14 Ogos 2014  
[PTDSHM(L) 8/2012]

HAIRULNISHA BINTI RABON  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Segamat*

**No. 3904.**

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN  
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Tan Siaw Choo @ Rahimah binti Abdullah yang beralamat di No. 23, Jalan Sihat, Taman Kerjasama, 86000 Kluang, Johor penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah telah dibuat oleh Pentadbir Tanah Pontian supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 4 September 2008 yang mana salinannya dilampirkan bersama-sama ini dan telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* No. 7341 bertarikh 9 Oktober 2008.

Pada tarikh penjualan yang dinyatakan di Borang itu, jualan telah ditangguhkan atas arahan Penolong Pentadbir Tanah Pontian.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada hari Selasa 21 Oktober 2014 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Pontian.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM65,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Puluh Lima Ribu Sahaja). Penangkap lelong dikehendaki menyediakan Bank Draf sebanyak 10% dari harga rizab atau bersamaan dengan RM6,500.00 (Ringgit Malaysia Enam Ribu Lima Ratus Sahaja).

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian [Am Bank (M) Berhad] pada tarikh jualan itu ialah RM167,555.11 setakat 4 September 2008.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Pontian. No. P.T.D.—6791. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1564. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1444/2003 bertarikh 7 Ogos 2003.

Bertarikh 4 Ogos 2014  
[PTDP 13/33/2008]

HERMAN BIN RABAN  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Pontian*

**No. 3905.**

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN  
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Fan Me Pen yang beralamat di No. 14, Taman Bintang, Jalan Sakeh, 84000 Muar, Johor adalah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah dibuat oleh Pentadbir Tanah Muar supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 28 Disember 2011 telah pun dikeluarkan pada tarikh penjualan yang dinyatakan di borang itu, lelongan awam yang telah dijalankan pada 25 April 2012 tidak berjaya kerana tiada pembeda.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada 24 September 2014 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Muar.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM153,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Tiga Ribu Sahaja).

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu pada tarikh jualan itu ialah RM168,799.06 setakat 28 Disember 2011.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Terap. No. Lot—4350. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 475. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2833/2004 bertarikh 7 Mei 2004.

Bertarikh 18 Ogos 2014  
[PTDM(LEL) 78/2011]

NURUL ASMAA BINTI MAAKUL  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Muar*

**No. 3906.**

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN  
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Ishammuen bin Ibrahim yang beralamat di Batu 6 3/4, Bukit Pasir, 84300 Muar, Johor adalah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah dibuat oleh Pentadbir Tanah Muar supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 7 November 2012 telah pun dikeluarkan pada tarikh penjualan yang dinyatakan di borang itu, lelongan awam yang telah dijalankan pada 13 Februari 2013 telah ditangguhkan melalui Borang 16O.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada 24 September 2014 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Muar.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM415,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Belas Ribu Sahaja).

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu pada tarikh jualan itu ialah RM108,901.08 setakat 7 November 2012.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Raya. No. Lot—734. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2206. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 6396/2010 bertarikh 8 Disember 2010.

Bertarikh 18 Ogos 2014  
[PTDM(LEL) 33/2012]

NURUL ASMAA BINTI MAAKUL  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Muar*

## No. 3907.

## MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2013

	Nota	2013 RM	2012 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	2	6,293,621	6,117,256
PELABURAN	3	200,000	200,000
		<u>6,493,621</u>	<u>6,317,256</u>
ASET SEMASA			
Penghutang	4	4,102,254	3,639,088
Penghutang Pelbagai	5	81,245	72,462
Deposit Tetap	6	7,099,455	5,799,455
Tunai Dan Baki Bank	7	2,854,292	5,757,190
		<u>14,137,246</u>	<u>15,268,195</u>
TOLAK: LIABILITI SEMASA			
Wang Amanah	8	1,970,948	1,938,824
Pemiutang	9	320,404	763,625
Pemiutang Pelbagai	10	187,926	82,384
		<u>2,479,278</u>	<u>2,784,833</u>
ASET SEMASA BERSIH		11,657,968	12,483,362
		<u>18,151,589</u>	<u>18,800,618</u>
DIBIAYAI OLEH:			
Pemberian Tertunda	11	821,385	851,016
Kumpulan Wang Terkumpul Majlis	12	16,594,478	17,257,032
Kumpulan Wang Perkhidmatan	13	197,446	147,738
Kumpulan Wang Kenderaan	14	370,394	371,241
Kumpulan Wang Komputer	15	162,139	166,356
Kumpulan Wang Rangsangan Ekonomi	16	4,752	4,762
Program Perumahan Keluarga Miskin	17	995	2,473
		<u>18,151,589</u>	<u>18,800,618</u>

HAJI ABD. KARIM BIN ABU BAKAR  
*Yang Dipertua*  
Majlis Daerah Simpang Renggam

NORAZMI BIN AMIR HAMZAH  
*Setiausaha*  
Majlis Daerah Simpang Renggam

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

	Nota	2013 RM	2012 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Cukai	18	4,864,365	5,189,723
Lesen, Terimaan Pendaftaran Dan Permit	19	752,340	770,365
Perkhidmatan Dan Terimaan	20	657,617	1,174,885
Perkhidmatan			
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	21	94,600	142,028
Sewaan	22	267,060	287,639
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	23	236,506	222,585
Denda Dan Hukuman	24	289,938	222,103
Pulangkan Perbelanjaan Am	25	19,888	31,238
Terimaan Daripada Agensi-Agensi Kerajaan	26	2,521,859	3,002,306
		<u>9,704,173</u>	<u>11,042,872</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Gaji, Upahan	27	2,036,458	1,771,445
Elaun Tetap	28	758,594	765,349
Elaun Untuk Ahli Majlis	29	184,275	205,075
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan Dan Ahli Majlis	30	498,650	431,686
Faedah Kewangan Kakitangan Awam	31	247,417	182,372
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	32	120,287	99,862
Perhubungan	33	86,581	92,290
Utiliti	34	873,400	835,938
Sewa	35	24,185	19,565
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan Penyelenggaraan	36	118,362	179,846
Bekalan	37	178,520	189,981
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	38	3,167,568	1,812,049
Perkhidmatan Ikhtisas	39	547,138	395,475
Alat Kelengkapan	40	40,302	22,660
Pokok Dan Benih	41	28,180	57,073
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	42	22,562	8,851
Pulang Balik Hasil	43	62,696	–
Kumpulan Wang	44	–	67,333
Cukai Dan Pelbagai	45	85,979	690,956
Susutnilai	46	692,047	565,367
Pembangunan	47	598,691	1,211,192
		<u>10,371,892</u>	<u>9,591,857</u>
Lebihan Pendapatan		<u>(667,617)</u>	<u>1,451,015</u>

HAJI ABDUL KARIM BIN ABU BAKAR  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Simpang Renggam*

NORAZMI BIN AMIR HAMZAH  
*Setiausaha*  
*Majlis Daerah Simpang Renggam*

**No. 3908.**

**MAJLIS DAERAH PONTIAN**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH PONTIAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Majlis Daerah Pontian (Majlis) bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

**Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

**Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

**Pendapat**

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Pontian pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

SAHARUDDIN BIN MAHAMUD  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

Tarikh: 26 Mei 2014

## PENYATA YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS

Kami, Miswan bin Yunus dan Haji Malik @ Abd. Malik bin Ibrahim yang merupakan Yang Dipertua dan Ahli Majlis dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Pontian pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

MISWAN BIN YUNUS  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah*  
*Pontian*

HAJI MALIK @ ABD. MALIK BIN IBRAHIM  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Daerah*  
*Pontian*

Tarikh: 29 Januari 2014

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Nor Syazlan bin Abd. Razak, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Daerah Pontian, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Pejabat Majlis Daerah Pontian )  
pada 29 Januari 2014 )

Di hadapan saya,

LO JEK HWA  
*Pesuruhjaya Sumpah*  
*Malaysia*

Tarikh: 29 Januari 2014

LEMBARAN IMBANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

	Nota	2013 RM	2012 RM
<b>ASET</b>			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	2	28,284,019	29,321,795
Kerja Dalam Pelaksanaan	3	125,494	–
Pelaburan	4	650,000	1,150,000
		<u>29,059,513</u>	<u>30,471,795</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Inventori	5	–	122,706
Penghutang	6	4,138,150	2,666,523
Penghutang Pelbagai	7	551,246	1,143,927
Deposit Tetap	8	28,017,436	29,701,249
Tunai Dan Baki Bank	9	7,010,182	3,758,731
		<u>39,717,014</u>	<u>37,393,136</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Wang Amanah	10	5,244,937	4,808,874
Pemiutang	11	3,128,321	7,827,166
Pemiutang Pelbagai	12	626,347	846,439
		<u>8,999,605</u>	<u>13,482,479</u>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>			
		<u>30,717,409</u>	<u>23,910,657</u>
		<u>59,776,922</u>	<u>54,382,452</u>
<b>Dibiayai oleh:</b>			
Kumpulan Wang Terkumpul Majlis	13	41,495,579	35,925,650
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	14	2,561,358	1,874,601
Pemberian Tertunda	15	14,414,492	15,061,166
Kumpulan Wang Pembangunan	16	411,440	509,858
Kumpulan Wang Pelbagai	17	894,053	1,011,177
		<u>59,776,922</u>	<u>54,382,452</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 3064 hingga 3083 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

	Nota	2013 RM	2012 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Cukai	18	14,034,016	12,592,682
Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	19	1,503,652	1,434,163
Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	20	1,346,604	540,786
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	21	613,442	763,691
Sewaan	22	656,826	685,845
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	23	1,035,525	1,110,520
Denda Dan Hukuman	24	269,533	203,124
Pulangbalik Perbelanjaan	25	25,205	2,700
Terimaan Dari Agensi Kerajaan Dan Pelbagai	26	4,146,682	17,252,072
Baikpulih Hutang Lapuk	27	100,131	158,689
Keuntungan Jualan Inventori	28	4,737,294	–
		28,468,910	34,744,272
<b>PERBELANJAAN</b>			
Gaji Dan Upahan	29	3,873,449	3,617,071
Elaun Tetap	30	1,037,947	1,016,867
Elaun Untuk Ahli-Ahli Majlis	31	176,149	204,700
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan Awam	32	703,381	645,794
Elaun Lebih Masa	33	487,984	412,998
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	34	468,098	341,150
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sarahidup	35	112,212	102,961
Pengangkutan Barang-Barang	36	503	5,000
Perhubungan	37	136,258	125,329
Utiliti	38	1,577,779	1,571,693
Sewaan	39	187,918	119,109

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	Nota	2013 RM	2012 RM
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	40	341,270	226,028
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	41	702,851	659,035
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Dibeli	42	4,929,076	4,669,655
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	43	1,068,957	1,198,364
Alat Kelengkapan	44	181,705	150,570
Pokok Dan Benih	45	64,901	115,039
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	46	15,434	14,508
Ganjaran	47	25,082	9,610
Pulangbalik Dan Hapuskira	48	76,523	31,637
Cukai Dan Pelbagai	49	148,244	133,976
Susutnilai Aset Tetap	50	1,847,897	1,828,314
Perbelanjaan Bukan Kewangan Yang Lain	51	33,607	42,313
Pembangunan	52	4,722,049	7,893,542
Pelbagai Bayaran	53	23,985	48,593
Peruntukan Khas	54	—	13,178,571
		<u>22,943,259</u>	<u>38,362,427</u>
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan		<u>5,525,651</u>	<u>(3,618,155)</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 3064 hingga 3083 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

PENYATA PERUBAHAN DANA BAGI TAHUN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul Majlis RM	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan RM	Pemberian Tertunda RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Pelbagai RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari 2012	39,543,805	1,932,510	15,282,327	465,210	336,075	57,559,927
Pelarasan Bagi Tahun Terdahulu	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	1 (3,618,155)	(57,909)	(221,161)	44,648	675,102	(3,177,475)
Baki Dinyatakan Semula Pada 31 Disember 2012	35,925,650	1,874,601	15,061,166	509,858	1,011,177	54,382,452
Pelarasan Bagi Tahun Terdahulu	44,278	-	19,425	-	-	63,703
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	1 5,525,651	686,757	(666,099)	(98,418)	(117,124)	5,330,767
Baki Dinyatakan Semula Pada 31 Disember 2013	41,495,579	2,561,358	14,414,492	411,440	894,053	59,776,922

Nota:- 1 = Terimaan Semasa Kumpulan Wang - Perbelanjaan Semasa Kumpulan Wang

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 3064 hingga 3083 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

	2013 RM	2012 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan Pendapatan	5,525,651	(3,618,155)
Pelarasan Bagi:		
Pelarasan-Pelarasan Tahun Terdahulu	51,721	(12)
Peruntukan Hutang Ragu	33,607	42,313
Susutnilai Aset Tetap	1,847,897	1,828,314
Faedah Diterima	(1,035,525)	(1,110,520)
Hutang Ragu	(184,173)	192,879
Wang Pusingan Kaunter	500	-
Pelarasan Pemiutang Pelbagai	200,000	200,000
Baikpulih Hutang Lapuk	100,131	158,689
Pelarasan Kumpulan Wang Pelbagai	635,079	642,208
Dapatan Balik Wang-Wang Yang Tidak Dituntut	(22,505)	7,270
Bayaran Perkhidmatan	(23,985)	(48,286)
Pindahan Pendapatan Dari Pemberian Tertunda	(666,099)	(672,887)
Lebihan Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	<u>6,462,299</u>	<u>(2,378,187)</u>
(Tambahan)/Kurangan Dalam Aset:		
Penghutang	(1,471,627)	(396,259)
Penghutang Pelbagai	592,681	(658,354)
(Tambahan)/Kurangan Dalam Liabiliti:		
Pemiutang	(4,698,845)	4,419,922
Pemiutang Pelbagai	(220,092)	223,889
Wang Amanah	436,063	(160,672)
Tunai Hasil Daripada Operasi	<u>1,100,479</u>	<u>1,050,339</u>
Faedah Diterima	<u>1,035,525</u>	<u>1,110,520</u>
Tunai Bersih Daripada Aktiviti-Aktiviti Operasi	<u>2,136,004</u>	<u>2,160,859</u>

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	2013 RM	2012 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Aset Tetap Dan Kerja Dalam Pelaksanaan	(625,494)	(478,809)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti-Aktiviti Pelaburan	(625,494)	(478,809)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:</b>		
Pelan Tindakan 3K	(52)	52
Peruntukan Khas Daripada Kementerian Program Bandar Selamat	57,180	1,375,712
Tunai Bersih Daripada Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan	—	400,000
Pertambahan Tunai Bersih	57,128	1,775,764
Tunai Dan Penyamaan Tunai Pada Awal Tahun - Nota 55	1,567,638	3,457,814
Tunai Dan Penyamaan Tunai Pada Akhir Tahun - Nota 55	33,459,980	30,002,166
	35,027,618	33,459,980

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 3064 hingga 3083 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Penyata Kewangan ini disediakan menurut piawaian-piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan.

1.1. ASAS PERAKAUNAN

- (i) Konvensyen Kos Sejarah
- (ii) Konsep Akruan

1.2. ASET TETAP DAN SUSUTNILAI

Aset Tetap dinyatakan pada kos dan susutnilai terkumpul. Susutnilai adalah berdasarkan Kaedah Garis Lurus bagi jangka hayat kegunaan aset tersebut kecuali tanah pajakan. Bagi tanah hakmilik pajakan, pelunasan adalah dikira berdasarkan tempoh Pajakan bagi jangka hayat pajakan tanah tersebut. Aset yang tamat jangka hayat ditinggalkan sebagai kos nominal. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

- (i) Tanah
  - Tanah Milik Bebas — 0%
  - Tanah Milik Pajakan — (Kos Asal/  
Tempoh Pajakan)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

- (ii) Bangunan
  - Kekal (Jangkahayat 30 tahun) – 3%
  - Separuh Kekal (Jangkahayat 15 tahun) – 6%
- (iii) Kenderaan (Jangkahayat 5 tahun) – 20%
- (iv) Loji dan Jentera (Jangkahayat 5 tahun) – 20%
- (v) Perabot dan Kelengkapan Pejabat (Jangkahayat 5 tahun) – 20%
- (vi) Peralatan Elektronik (Jangkahayat 5 tahun) – 20%

1.3. ASAS PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pendapatan-pendapatan seperti Cukai Harta, Notis dan Waran, Sewa Gerai, Sewa Pasar dan Faedah Deposit Tetap diambilkira mengikut konsep akruan manakala pendapatan-pendapatan lain diambilkira mengikut asas tunai.

Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia) setiap satu dan tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual serta perabot, hampan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk tanpa mengira harga perolehan asal dianggap sebagai perbelanjaan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

Pembayaran sewa pajak (Al-Ijarah) diambilkira sebagai perbelanjaan.

1.4. PEMBERIAN KERAJAAN

Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi tujuan belanja mengurus atau menyelenggara diambilkira sebagai hasil majlis.

Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi membolehkan Majlis mendapat aset diambilkira sebagai Pemberian Tertunda dan diiktiraf sebagai sepanjang pendapatan sepanjang tempoh hayat aset tersebut.

Manakala Pemberian Khas daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi melaksanakan sesuatu projek khas akan dikreditkan terus ke Kumpulan Wang Khas berkaitan.

1.5. INVENTORI

Majlis Daerah Pontian (MDP) telah memeterai perjanjian usahasama dengan Reka Mulia Sdn. Bhd. (RMSB) pada 4 Januari 2000, di mana RMSB akan membina 55 unit rumah kedai tiga tingkat di atas sebidang tanah beralamat P.T.D. 1419, Mukim Serkat, Pontian, Johor. Sebanyak 13 unit rumah kedai tiga tingkat telah diperuntukkan kepada MDP

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

sebagai pulangan keuntungan. MDP juga telah membuat keputusan untuk menjual unit-unit rumah kedai yang diperuntukkan itu setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 15 Februari 2007 telah menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil. 124/2007 iaitu Kertas Bil. (2) dalam fail ini dan telah mengambil keputusan bagaimana berikut:-

Majlis bersetuju dengan permohonan Majlis Daerah Pontian untuk membuat pindahmilik rumah kedai 3 tingkat sebanyak 55 unit kepada pembeli-pembeli dalam projek usahasama di antara Majlis Daerah Pontian dengan Tetuan Reka Mulia Sdn. Bhd. di Pusat Perdagangan Kukup, Pontian sebagaimana diperuntukkan di dalam Seksyen 101(r)(i) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Kertas J/KT & K: 17/B/2007.

Sebagaimana surat dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Cawangan Kerajaan Tempatan) bil. K.T.Bil.40/70(73) bertarikh 28 Februari 2007. Pada 25 Mei 2010, Syarikat GKS Fish Farm Sdn. Bhd. telah membuat permohonan untuk membeli rumah kedai tersebut dengan tawaran harga sebanyak RM4.86 Juta. Sehubungan dengan itu, permohonan ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Penswastan yang bersidang pada 26 Julai 2010 dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Daerah Pontian pada 30 Julai 2010.

Mesyuarat Penswastan Bil. 1/2012 bertarikh 13 April 2012 telah mengambil keputusan bersetuju membatalkan tawaran penjualan kepada Syarikat GKS Fish Farm atas dasar pihak terlibat tidak berminat untuk meneruskan pembelian serta gagal memberi maklum balas sehingga tamat tempoh yang telah ditetapkan. Melalui mesyuarat yang sama juga, keputusan telah dibuat iaitu bersetuju melantik Tetuan Henry Butcher (Pontian) Sdn. Bhd. sebagai agen hartanah mengendalikan penjualan tersebut dengan Kadar Komisen Jualan dua peratus (2%) dari harga jualan serta lima peratus (5%) Cukai Perkhidmatan.

Pada 26 Julai 2012, Jawatankuasa Penswastan telah bersidang kali kedua bagi tahun 2012 dan agen hartanah yang dilantik memaklumkan Syarikat Hung-Hung Hotel Sdn. Bhd. telah mengemukakan cadangan pembelian dengan harga RM4.86 Juta. Sehubungan dengan itu, mesyuarat mengambil keputusan bersetuju menjual kepada syarikat tersebut sebagaimana harga yang dicadangkan serta meletakkan syarat supaya segala kos baik pulih dan kerosakan bangunan terlibat ditanggung oleh pembeli.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

Walaubagaimanapun pada 5 Disember 2012, Pentadbiran ada menerima surat dari agen hartanah yang memaklumkan bahawa Syarikat Hung-Hung Hotel Sdn. Bhd. telah menarik diri. Agen hartanah juga memaklumkan Syarikat Eng Hiap (Rengit) Sdn. Bhd. ada mengemukakan cadangan untuk membeli unit-unit tersebut dengan kadar harga sama sebagaimana yang pernah ditawarkan oleh pihak yang menarik diri. Mesyuarat Jawatankuasa Penswastan telah bersidang pada 12 Disember 2012 dan mengambil keputusan bersetuju menerima cadangan pembelian 13 unit kedai dari Syarikat Eng Hiap (Rengit) Sdn. Bhd. dengan syarat-syarat sebagaimana yang akan dinyatakan dalam Perjanjian Jual Beli. Mesyuarat juga telah membuat keputusan supaya pihak Syarikat membayar satu peratus (1%) daripada harga pembelian iaitu sebanyak RM48,600 selepas mendapat kelulusan daripada Majlis Daerah Pontian. Mesyuarat juga bersetuju supaya kos-kos yang perlu ditanggung oleh Syarikat Eng Hiap Seng (Rengit) Sdn. Bhd. ialah sebagaimana berikut:

- i. Kos Pengurusan sebanyak RM97,200 (2% daripada Harga Jualan) hendaklah dibayar kepada agen hartanah iaitu Henry Butcher (Pontian) Sdn. Bhd.;
- ii. Kos GST sebanyak RM5,832 (6% daripada Kos Pengurusan) juga perlu dibayar kepada agen hartanah berkaitan;
- iii. Kos Guaman bagi pihak pembeli dan Kos Penyediaan Surat Perjanjian Jual Beli.

Syarikat Eng Hiap (Rengit) Sdn. Bhd. telah membuat pembayaran tersebut pada 18 Disember 2012. Manakala baki bayaran sebanyak sembilan puluh sembilan peratus (99%) akan dijelaskan dalam masa 6 bulan dan 2 bulan tambahan selepas Perjanjian Jual Beli ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Syarat-syarat lain yang berkaitan dengan urusan ini ada dinyatakan dalam Perjanjian Jual Beli yang berkaitan. Pada 24 September dan 27 Disember 2013, pihak syarikat telah menjelaskan baki harga pembelian dengan kadar setiap satu RM1,166,400 dan RM3,645,000. Jumlah keseluruhan harga pembelian diselaraskan dengan nilai inventori pada tarikh kunci kira-kira bagi membolehkan keuntungan atau kerugian dicatatkan dalam Penyata Pendapatan pada tahun tersebut. Perjanjian usahasama dengan RMSB telah memberikan pulangan keuntungan sebanyak RM4,737,294.20 kepada Majlis Daerah Pontian dan dicatatkan sebagai Keuntungan Jualan Inventori dalam Penyata Pendapatan pada tahun kewangan.

#### 1.6. PENGHUTANG DAN PENGHUTANG PELBAGAI

Penghutang dan Penghutang Pelbagai adalah diambilkira pada jangkaan realisasi. Hutang lapuk dihapuskan pada tempoh di mana ianya dikenalpasti. Sesuatu anggaran akan dibuat bagi Peruntukan Hutang Ragu berdasarkan kepada pengusiaan ke atas semua amaun tertunggak melebihi 6 tahun pada tarikh kunci kira-kira.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

2. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN

2013

	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Loji Dan Jentera	Perabot Dan Kelengkapan Pejabat	Peralatan Elektronik	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Pada 1 Januari	929,452	34,262,996	2,551,308	2,260,600	1,029,139	1,605,171	42,638,666
Tambahan	-	550,690	-	32,785	162,652	68,914	815,041
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan Tahun Terdahulu	-	(6,000)	-	-	-	-	(6,000)
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah Kos Pada 31 Disember</b>	<b>929,452</b>	<b>34,807,686</b>	<b>2,551,308</b>	<b>2,293,385</b>	<b>1,191,791</b>	<b>1,674,085</b>	<b>43,447,707</b>
Susutnilai Berkumpul Pada 1 Januari	30,777	7,367,410	1,937,667	2,010,879	768,374	1,201,764	13,316,871
Susutnilai Semasa	3,922	1,117,100	222,662	179,069	165,056	160,088	1,847,897
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan Tahun Terdahulu	-	(1,080)	-	-	-	-	(1,080)
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-
<b>Susutnilai Berkumpul Pada 31 Disember</b>	<b>34,699</b>	<b>8,483,430</b>	<b>2,160,329</b>	<b>2,189,948</b>	<b>933,430</b>	<b>1,361,852</b>	<b>15,163,688</b>
<b>Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember</b>	<b>894,753</b>	<b>26,324,256</b>	<b>390,979</b>	<b>103,437</b>	<b>258,361</b>	<b>312,233</b>	<b>28,284,019</b>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	Tanah		Bangunan		Kenderaan		Loji Dan Jentera		Perabot Dan Kelengkapan Pejabat		Peralatan Elektronik		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Pada 1 Januari	929,452	33,695,415	2,268,808	2,260,600	946,419	1,416,421	41,517,115							
Tambahan	-	567,581	282,500	-	82,720	188,750	1,121,551							
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-							
Pelarasan Tahun Terdahulu	-	-	-	-	-	-	-							
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-							
<b>Jumlah Kos Pada 31 Disember</b>	<b>929,452</b>	<b>34,262,996</b>	<b>2,551,308</b>	<b>2,260,600</b>	<b>1,029,139</b>	<b>1,605,171</b>	<b>42,638,666</b>							
Susutnilai Berkumpul Pada 1 Januari	26,856	6,265,751	1,674,226	1,833,378	632,887	1,055,459	11,488,557							
Susutnilai Semasa	3,921	1,101,659	263,441	177,501	135,487	146,305	1,828,314							
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-							
Pelarasan Tahun Terdahulu	-	-	-	-	-	-	-							
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-							
<b>Susutnilai Berkumpul Pada 31 Disember</b>	<b>30,777</b>	<b>7,367,410</b>	<b>1,937,667</b>	<b>2,010,879</b>	<b>768,374</b>	<b>1,201,764</b>	<b>13,316,871</b>							
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember	898,675	26,895,586	613,641	249,721	260,765	403,407	29,321,795							

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	2013 RM	2012 RM
3. KERJA DALAM PELAKSANAAN		
Membina Stor Jabatan Kewangan	125,494	—
	<u>125,494</u>	<u>—</u>
4. PELABURAN		
CIMB Bank	—	500,000
Bank Islam Malaysia Berhad	650,000	650,000
	<u>650,000</u>	<u>1,150,000</u>
5. INVENTORI		
Kos Tanah P.T.D. 1419	—	122,706
	<u>—</u>	<u>122,706</u>
6. PENGHUTANG		
Cukai Harta	4,808,472	3,398,574
Sewa Pasar, Gerai Dan Petak Bas	246,841	298,038
Notis Dan Waran	129,147	127,023
	<u>5,184,460</u>	<u>3,823,635</u>
Tolak:		
Peruntukan Hutang Ragu	(1,046,310)	(1,157,112)
	<u>4,138,150</u>	<u>2,666,523</u>
7. PENGHUTANG PELBAGAI		
Pinjaman Kenderaan	5,938	5,023
Pinjaman Komputer	3,128	6,012
Faedah Deposit Tetap Terakru	245,074	236,947
Pungutan Hasil Air	14,420	14,420
Deposit	10,200	10,200
Penswastaan Pengurusan Sisa	99,185	99,185
Pepejal (SWM)		
Deposit Pembelian Aset	244,670	853,760
Kelab Sukan Dan Kebajikan	21,472	—
Majlis Daerah Pontian		
Agen Kutipan Cukai Harta	7,396	—
Akaun Penyelesaian Cek	13,368	31,985
	<u>664,851</u>	<u>1,257,532</u>
Tolak:		
Peruntukan Hutang Ragu	(113,605)	(113,605)
	<u>551,246</u>	<u>1,143,927</u>
8. DEPOSIT TETAP		
Bank	11,090,568	11,010,656
Syarikat Kewangan Berlesen (BRB)	8,044,534	5,444,534
Lain-Lain Institusi Kewangan (ARB)	8,882,334	13,246,059
	<u>28,017,436</u>	<u>29,701,249</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	2013 RM	2012 RM
9. TUNAI DAN BAKI BANK		
Akaun semasa:—		
CIMB Bank Berhad	3,816,873	546,813
Malayan Banking Berhad	36,109	61,222
Bank Islam Malaysia Berhad (PPKB)	296,855	422,921
Bank Islam Malaysia Berhad (Ransangan Ekonomi)	58,678	152,572
Bank Islam Malaysia Berhad (Kad Kredit/Debit)	164,492	612,829
Bank Islam Malaysia Berhad (Bill Payment)	50,432	59,625
Bank Islam Malaysia Berhad (ISF)	2,585,043	1,901,549
Bank Islam Malaysia Berhad (Kad Kredit/Debit Online)	100	100
Bank Islam Malaysia Berhad (Bill Payment Online)	100	100
Panjar Wang Runcit	1,000	1,000
Wang Pusingan Kaunter	500	—
	7,010,182	3,758,731
10. WANG AMANAH		
Wang Amanah Am	4,944,937	4,435,929
Wang Amanah Penswastaaan	300,000	348,600
Wang Amanah Pelaksanaan	—	24,345
	5,244,937	4,808,874
11. PEMIUTANG		
Emolumen	55,183	71,905
Perkhidmatan Dan Bekalan	1,316,546	1,955,366
Pemilikan Harta Modal	250,370	334,740
Lain-Lain Perbelanjaan	6,936	1,078
Pembangunan:—		
Majlis	1,439,536	5,431,527
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)	59,750	32,550
	3,128,321	7,827,166
12. PEMIUTANG PELBAGAI		
Cukai Harta	519,852	584,509
Sewa Pasar, Gerai Dan Petak Bas	6,735	4,365
Kompaun Letak Kereta	45	45

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	2013 RM	2012 RM
Notis Dan Waran	375	566
Agen Kutipan Cukai	396	—
Akaun Penyelesaian Cek	98,378	56,552
Faedah Semasa ISF	566	402
Peruntukan Kerajaan Persekutuan/Negeri	—	200,000
	<u>626,347</u>	<u>846,439</u>
<b>13. KUMPULAN WANG TERKUMPUL MAJLIS</b>		
Lebihan Terkumpul Pada 1 Januari	35,925,650	39,543,805
Pelarasan Tahun Lalu:		
Peruntukan Hutang Ragu Sewaan	44,278	—
Lebihan Pendapatan	5,525,651	(3,618,155)
	<u>41,495,579</u>	<u>35,925,650</u>
<b>14. KUMPULAN WANG PERKHIDMATAN KEMAJUAN</b>		
Baki Pada 1 Januari	1,874,601	1,932,510
Terimaan	1,113,177	235,961
Pelarasan	—	—
	<u>2,987,778</u>	<u>2,168,471</u>
Tolak:		
Perbelanjaan	(426,420)	(293,870)
Pelarasan	—	—
Baki Pada 31 Disember	<u>2,561,358</u>	<u>1,874,601</u>
<b>15. PEMBERIAN TERTUNDA</b>		
Baki Pada 1 Januari	15,061,166	15,282,327
Terimaan	—	451,726
Pelarasan	19,425	—
	<u>15,080,591</u>	<u>15,734,053</u>
Tolak:		
Perbelanjaan	—	—
Pindahan Pendapatan Terkumpul	(666,099)	(635,079)
Pindahan Pendapatan Semasa	—	(37,808)
Pelarasan	—	—
Baki Pada 31 Disember	<u>14,414,492</u>	<u>15,061,166</u>



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

17. KUMPULAN WANG PELBAGAI												
2013												
	Pinjaman Kenderaan	Pinjaman Komputer	Penswastaaan Tempat Letak Kereta	Emolumen Anggota OSC, COB dan SKS	Program Kemiskinan Bandar	Local Agenda 21 (LA 21)	Bantuan Kewangan Urus Sisa Pepejal	Pelan Tindakan 3K dan Lain-lain Program	Jumlah			
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM			
Baki Pada 1 Januari	150,000	40,000	-	7,988	408,497	24,640	380,000	52	1,011,177			
Terimaan	-	-	-	192,847	53,180	-	-	4,000	250,027			
Pelarasan	-	-	-	8,076	-	-	-	-	8,076			
Tolak:												
Perbelanjaan	-	-	-	(194,594)	(178,451)	(560)	-	(1,622)	(375,227)			
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-			
Baki Pada 31 Disember	150,000	40,000	-	14,317	283,226	24,080	380,000	2,430	894,053			
2012												
	Pinjaman Kenderaan	Pinjaman Komputer	Penswastaaan Tempat Letak Kereta	Emolumen Anggota OSC, COB dan SKS	Program Kemiskinan Bandar	Local Agenda 21 (LA 21)	Bantuan Kewangan Urus Sisa Pepejal	Pelan Tindakan 3K dan Lain-lain Program	Jumlah			
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM			
Baki Pada 1 Januari	150,000	40,000	453	1,200	74,725	35,960	-	33,737	336,075			
Terimaan	-	-	-	180,623	795,712	-	380,000	-	1,356,335			
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-			
Tolak:												
Perbelanjaan	-	-	(453)	(173,835)	(461,940)	(11,320)	-	(33,685)	(681,233)			
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-			
Baki Pada 31 Disember	150,000	40,000	-	7,988	408,497	24,640	380,000	52	1,011,177			

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	2013 RM	2012 RM
18. CUKAI		
Cukai Harta	13,506,971	11,851,028
Caruman Bantu Kadar	527,045	741,654
	<u>14,034,016</u>	<u>12,592,682</u>
19. LESEN, BAYARAN PENDAFTARAN DAN PERMIT		
Bayaran Untuk Kenderaan	732	600
Permit	361,405	310,717
Bayaran Pendaftaran	31,415	27,873
Bayaran Untuk Berniaga	1,110,100	1,094,973
	<u>1,503,652</u>	<u>1,434,163</u>
20. PERKHIDMATAN DAN BAYARAN PERKHIDMATAN		
Bayaran Perkhidmatan	1,250,667	470,772
Bayaran Sewa Petak Bas	2,500	1,400
Bayaran Perkhidmatan Yang Lain	93,437	68,614
	<u>1,346,604</u>	<u>540,786</u>
21. PEROLEHAN DARI JUALAN BARANG-BARANG		
Jualan Barang-Barang Cetak	577,735	734,077
Jualan Barang-Barang Stor	35,707	29,614
	<u>613,442</u>	<u>763,691</u>
22. SEWAAN		
Sewa Tanah	41,600	28,800
Sewa Bangunan	288	252
Sewa Pasar Dan Gerai	573,817	544,340
Sewa Tempat Dan Petak	1,760	68,876
Sewa Pelbagai	39,361	43,577
	<u>656,826</u>	<u>685,845</u>
23. FAEDAH DAN PEROLEHAN DARI PELABURAN		
Faedah Deposit Semasa	33,461	46,107
Faedah Deposit Tetap	993,223	980,582
Faedah Pelaburan	8,418	83,436
Faedah Pinjaman Kenderaan	235	286
Faedah Pinjaman Komputer	188	109
	<u>1,035,525</u>	<u>1,110,520</u>
24. DENDA DAN HUKUMAN		
Kompau-Kompau	198,528	129,376
Notis Dan Waran	51,300	47,673
Denda Dan Rampasan	19,705	26,075
	<u>269,533</u>	<u>203,124</u>
25. PULANGBALIK PERBELANJAAN		
Dapatkan Balik Wang-Wang Tak Dituntut	25,205	2,700
	<u>25,205</u>	<u>2,700</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	2013 RM	2012 RM
26. TERIMAAN DARI AGENSI KERAJAAN DAN PELBAGAI		
Geran Keseimbangan Persekutuan	2,354,694	2,354,694
Geran Keseimbangan Negeri	300,000	300,000
Pindahan Daripada Pemberian Tertunda	666,099	672,887
Pelbagai Pemberian Dari Kerajaan	393,099	13,573,048
Pelbagai Terimaan	432,790	351,443
	<u>4,146,682</u>	<u>17,252,072</u>
27. BAIKPULIH HUTANG LAPUK		
Baikpulih Hutang Lapuk	100,131	158,689
	<u>100,131</u>	<u>158,689</u>
28. KEUNTUNGAN JUALAN INVENTORI		
Keuntungan Jualan Inventori	4,737,294	—
	<u>4,737,294</u>	<u>—</u>
29. GAJI DAN UPAHAN		
Gaji Biasa Kakitangan Awam	3,863,224	3,612,626
Tunggakan Gaji Kakitangan Awam	—	1,296
Elaun Tanggung Kerja	10,225	3,149
	<u>3,873,449</u>	<u>3,617,071</u>
30. ELAUN TETAP		
Elaun Tetap Kakitangan Awam Atau Anggota Pekerja	1,037,947	1,016,867
	<u>1,037,947</u>	<u>1,016,867</u>
31. ELAUN UNTUK AHLI-AHLI MAJLIS		
Elaun Tetap Ahli Majlis	146,499	175,750
Elaun Tetap Yang Dipertua	9,900	9,900
Elaun Ex-Officio	19,750	19,050
	<u>176,149</u>	<u>204,700</u>
32. SUMBANGAN BERKANUN UNTUK KAKITANGAN AWAM		
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	216,016	212,977
Caruman Tabung Pencen	487,365	432,817
	<u>703,381</u>	<u>645,794</u>
33. ELAUN LEBIH MASA		
Elaun Lebih Masa Kakitangan Awam	487,984	412,998
	<u>487,984</u>	<u>412,998</u>
34. FAEDAH-FAEDAH KEWANGAN YANG LAIN		
Faedah Kewangan Kakitangan Awam	42,151	28,634
Imbuan Tahunan Kakitangan Awam	425,947	312,516
	<u>468,098</u>	<u>341,150</u>
35. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP		
Kakitangan Awam	108,337	100,402
Ahli Majlis	3,875	2,559
	<u>112,212</u>	<u>102,961</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	2013 RM	2012 RM
36. PENGANGKUTAN BARANG-BARANG		
Pengangkutan Barang-Barang Kakitangan Awam	503	5,000
	<u>503</u>	<u>5,000</u>
37. PERHUBUNGAN		
Perhubungan	136,258	125,329
	<u>136,258</u>	<u>125,329</u>
38. UTILITI		
Utiliti	1,577,779	1,571,693
	<u>1,577,779</u>	<u>1,571,693</u>
39. SEWAAN		
Sewa Jentera	450	1,100
Sewa Khemah/Kerusi/Meja	126,344	90,481
Sewa Alat Kelengkapan Elektronik	23,124	21,528
Sewa Alat Kelengkapan Elektrik	38,000	6,000
	<u>187,918</u>	<u>119,109</u>
40. BEKALAN BAHAN MENTAH DAN BAHAN-BAHAN UNTUK PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN		
Alat-Alat Ganti	8,312	4,473
Petroleum Dan Bahan Bakar	83,837	97,906
Getah Dan Barang Keluaran Getah	17,333	24,158
Logam	27,317	2,017
Galian Mentah Bukan Logam	19,860	3,450
Kimia Dan Bahan Kimia	167,236	40,264
Bekalan Pertanian	17,375	53,760
	<u>341,270</u>	<u>226,028</u>
41. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN		
Bekalan Pejabat	288,358	280,306
Bekalan Am	210,091	211,118
Bahan Tenunan Dan Barang-Barang Pakaian	180,950	143,715
Bekalan Dan Alat-Alat Kejuruteraan	23,452	23,896
	<u>702,851</u>	<u>659,035</u>
42. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL DIBELI		
Penyelenggaraan Bangunan	70,051	137,838
Penyelenggaraan Kemudahan	539,550	516,751
Penyelenggaraan Kenderaan	44,096	79,880
Penyelenggaraan Jentera	360	4,270
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Pejabat Dan Perabot	900	18,243
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Elektronik	74,574	91,634
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Elektrik	159,080	98,580
Membaiki Jalan	145,497	111,735
Parit Dan Pembentungan	32,900	103,727
Kontrak Penswastan Angkat Sampah	3,862,068	3,506,997
	<u>4,929,076</u>	<u>4,669,655</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	2013 RM	2012 RM
43. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN PERKHIDMATAN LAIN YANG DIBELI DAN HOSPITALITI		
Perkhidmatan Yang Dibeli	605,478	709,363
Perkhidmatan Percetakan Dan Menjilid	110,806	144,280
Bayaran Kepada Kakitangan Sementara/Sambilan	15,075	13,545
Keraian, Hospitaliti Dan Honorarium	337,598	331,176
	<u>1,068,957</u>	<u>1,198,364</u>
44. ALAT KELENGKAPAN		
Pembelian Dan Pembaikan Kenderaan	—	627
Alat Kelengkapan Pejabat Dan Perabot	124,402	72,143
Alat Kelengkapan Yang Lain	57,303	77,800
	<u>181,705</u>	<u>150,570</u>
45. POKOK DAN BENIH		
Anak Pokok	46,821	90,889
Benih	18,080	24,150
	<u>64,901</u>	<u>115,039</u>
46. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP		
Kurniaan Tambang Haji	6,034	11,508
Pemberian Yang Lain	9,400	3,000
	<u>15,434</u>	<u>14,508</u>
47. GANJARAN		
Ganjaran Kakitangan Awam (K)	25,082	9,610
	<u>25,082</u>	<u>9,610</u>
48. PULANGBALIK DAN HAPUSKIRA		
Pulangbalik Hasil	2,180	600
Hapuskira Penghutang:		
Penghutang Cukai Harta	13,742	17,559
Penghutang Notis Dan Waran	1,318	1,098
Penghutang Sewaan	59,283	12,380
	<u>76,523</u>	<u>31,637</u>
49. CUKAI DAN PELBAGAI		
Cukai Tanah	51,029	50,513
Bayaran Peperiksaan Penguasa Tempatan	800	800
Pelbagai Bayaran	96,415	82,663
	<u>148,244</u>	<u>133,976</u>
50. SUSUTNILAI ASET TETAP		
Tanah	3,922	3,921
Bangunan	1,117,100	1,101,659
Kenderaan	222,662	263,441
Loji Dan Jentera	179,069	177,501
Perabot Dan Lengkapan	165,056	135,487
Peralatan Elektronik	160,088	146,305
	<u>1,847,897</u>	<u>1,828,314</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013—(Samb.)

	2013 RM	2012 RM
51. PERBELANJAAN BUKAN KEWANGAN YANG LAIN		
Perbelanjaan Hutang Ragu	33,607	42,313
	<u>33,607</u>	<u>42,313</u>
52. PEMBANGUNAN		
Bangunan Pejabat	399,906	163,409
Pembinaan Gerai Dan Pusat Penjaja	120,040	166,265
Membina Bangunan Tandas Awam	51,082	42,753
Bangunan Stor Dan Kuarters	123,731	163,500
Dewan/Balai Raya	203,976	290,583
Pusat Kenderaan	9,030	169,395
Pasar	133,160	147,254
Kompleks Sukan	101,374	199,253
Bangunan-Bangunan Lain	378,938	89,250
Jalan	629,655	1,384,904
Parit Dan Pembentung	327,482	572,179
Pengindahan Bandar	854,272	2,479,892
Tempat Rekreasi Dan Riadah	467,315	168,770
